

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD [PASIR GUDANG]**  
**TARIKH : 23 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf prasarana dan kelengkapan Klinik Kesihatan Pasir Gudang berikutan keadaan sedia ada klinik yang tidak kondusif bagi menyediakan rawatan untuk lebih 800 orang pesakit setiap hari.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Kesihatan Pasir Gudang terletak 30km dari bandaraya Johor Bahru. Ianya mula beroperasi pada Mac 1993 dengan hanya satu blok klinik beserta 8 unit kuarters pada awal penubuhannya. Selaras dengan pertambahan perkhidmatan-perkhidmatan baru serta peningkatan kedatangan pesakit, klinik ini telah dinaiktaraf dan buat masa ini meliputi tiga blok utama.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan peningkatan bilangan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di klinik ini. Sehubungan itu, KKM bercadang untuk membina sebuah klinik gantian ( klinik kesihatan jenis 2) di tapak sedia ada di dalam rolling plan RMK 11 yang akan datang.